

Singapura

Kemajuan pesat hasil dasar merit, usaha gigih masyarakat

Dalam wawancara eksklusif bersama Berita Harian, Menteri Ehwah Dalam Negeri Merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, antara lain menyentuh tentang isu kemajuan Melayu Singapura, persaingan, bakat asing dan ancaman pengganasan. Berikut sedutan wawancara Encik Shanmugam bersama Berita Harian. Laporan oleh SAAT A. RAHMAN (saat@sph.com.sg) dan ADLI YASHIR KUCHIT (adli@sph.com.sg).

MASYARAKAT telah mencapai kemajuan yang pesat sejak beberapa tahun lalu dan harus berasa bangga kerana ia dicapai atas dasar merit dan hasil usaha gigih.

Pemerintah telah menggalak dan menyokong usaha masyarakat dan akan terus berbuat demikian.

PENDIDIKAN

Dari segi pencapaian pendidikan contohnya, masyarakat telah mencatatkan kemajuan yang penting.

Peratusan murid darjah satu yang berjaya memasuki institut pendidikan posmenengah telah meningkat seganda daripada 36 peratus pada 1990 kepada 85.6 peratus pada 2009.

Mereka yang berjaya ke institusi pendidikan tinggi pula telah meningkat lebih tinggi daripada 1.3 peratus pada 1980 kepada 35 peratus pada 2009.

Tambahan pula purata pelajar Melayu dalam setiap kohort peperiksaan yang memperolehi kelulusan sekurang-kurangnya lima GCE 'O' juga telah meningkat daripada 16 peratus pada 1980 kepada 62.9 peratus dalam 2009.

Mereka yang memperolehi sekurang-kurangnya tiga kelulusan A/H2 dan lulus dalam Kertas Am atau Keilmuan dan Penyelidikan pula telah meningkat daripada 27 peratus pada 1980 kepada 75 peratus pada 2009.

KELAS PERTENGAHAN

Golongan kelas pertengahan Melayu juga kian terbentuk.

Purata pendapatan keluarga Melayu telah meningkat melebihi \$1,000 dalam tempoh 10 tahun (\$2,709 pada 2000 kepada \$3,844 pada 2010)

Sekitar 70 peratus penduduk Melayu kini tinggal di flat empat bilik dan ke atas. Sementara itu, 31 peratus memiliki kereta.

Segala pencapaian ini hasil usaha keras masyarakat sejak beberapa tahun lalu dalam menangani isu dan cabaran.

Pemimpin Melayu/Islam sedar apa yang perlu dilakukan dan mereka menggembleng tenaga masyarakat untuk membantu diri sendiri.

Dalam hal ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Mendaki dan AMP serta pertubuhan Melayu Islam lain yang telah menyumbang ke arah kemajuan masyarakat Melayu.

Saya juga menghargai usaha mereka yang telah berjaya dan di samping mengejar kejayaan mereka, tidak lupa asal usul mereka.

Saya menggesa masyarakat agar terus bersikap positif dan memandang ke hadapan untuk mempersiapkan diri

menghadapi cabaran globalisasi.

Dengan membimbing generasi muda agar mereka kelak menjadi ikon atau contoh, masyarakat akan mencatatkan kemajuan yang lebih tinggi.

SUMBANGAN PEMIMPIN

Sepanjang tempoh pertengahan 1980-an ke awal 1990-an masalah penyalahgunaan dadah di Singapura semakin buruk dan mencapai kemuncak pada 1994 dengan 6,165 penagih diberkas. Daripada bilangan tersebut, lebih separuh (3,295) merupakan penagih Melayu.

Tahun lalu jumlah penagih Melayu yang ditahan telah berkurang kepada 894 orang.

Di antara pemimpin yang telah tampil untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah ialah Haji Ridzwan Dzafir dan Allahyarham Harun Abdul Ghani.

Haji Ridzwan memainkan peranan kritikal dalam usaha menangani masalah dadah ketika beliau menyandang jawatan Presiden Muis dan Ketua Pegawai Eksekutif Mendaki (CEO) pada 1986.

Sementara itu, Allahyarham Harun pula, sebagai Setiausaha Politik Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA), juga tidak kenal erti penat menangani isu tersebut.

Allahyarham dilahirkan pada 1939, ayahnya seorang posmen dan ibunya suri rumah.

Biarpun berasal daripada keluarga miskin, beliau unggul dalam pelajarannya, menjadi pemimpin pelajar dan ahli sukan.

Beliau kemudian menjadi guru, aktif dalam Kesatuan Guru Melayu Singapura dan dilantik Setiausaha Agung persatuan tersebut.

Pada 1989, beliau dilantik Setiausaha Politik MHA untuk membantu memerangi masalah dadah dalam masyarakat Melayu.

Pada 1991, Allahyarham terpilih sebagai anggota parlimen untuk Hong Kah GRC. Beliau bersara daripada politik pada Oktober 2001 dan kemudian meninggal akibat barah pada Ogos 2005.

IKON MASYARAKAT

Masyarakat juga mempunyai contoh-contoh yang baik mengikut taraf nasional.

Natasha Nabila muncul pelajar terbaik peperiksaan PSLE 2007 dengan markah agregat 294.

Tahun lalu media Melayu ada melaporkan kisah Hidayah Amin, penulis buku Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood (Gedung Kuning: Kenangan Sewaktu Kecil).

Beliau pelajar sarjana dan doktor falsafah di Universiti Cambridge.

Beliau mengikut langkah beberapa anggota masyarakat yang telah menuntut di sana seperti Profesor Madya Mansoor Jalil.

Mereka merupakan antara contoh masyarakat Melayu yang boleh berbangga dengan pencapaian pendidikan mereka yang berdasarkan merit.

Dengan adanya pencapaian pendidikan yang lebih baik, akan ada lebih banyak peluang mendapatkan pekerjaan and pendapatan lebih baik.

Lebih ramai lagi Melayu yang telah menempa nama dalam pelbagai bidang daripada karyawan seperti peguam, jurutera kepada usahawan.

Contohnya, Encik Shafie Shamsudin, CEO Carrefour Indonesia.

Kita ada Dr Abdul Razakjr Omar, pakar jantung, dan peguam seperti Encik Amrin Amin.

Ramai saintis Melayu juga kini terlibat dalam penyelidikan terkini dalam kesihatan dan sains.

Contohnya Dr Azlinda Anwar, Zamil Penyelidikan Kanan Duke-NUS, yang sedang membuat kajian vaksin DNA.

HOME TEAM

Para pegawai Melayu/Islam menyandang jawatan bukan saja di peringkat turus (command), malah jawatan yang sensitif dalam pelbagai jabatan Home Team.

Contohnya, Pengarah Operasi dan Perhubungan Awam Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) disandang kedua-duanya oleh pegawai kanan Melayu/Islam.

Mereka ialah Kolonel Yazid Abdullah dan Leftenan Kolonel Anwar Abdullah.